

# Perkasa jaringan kerjasama

UniSZA, IPB  
tandatangani  
MoU, fokus  
bidang  
pertanian

NURUL HUDA HUSAIN

**G**ONG BADAQ - Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) terus agresif meningkatkan jaringan kerjasama dengan pelbagai pihak dan terbaharu menandatangani memorandum persefahaman (MoU) dengan Insititut Pertanian Bogor (IPB), Indonesia. Kerjasama terbaharu itu memberi fokus kepada bidang pertanian, bioteknologi dan teknologi makanan. Naib Canselorinya, Prof. Datuk Dr.



Wakil UniSZA dan IPB bergambar kenangan ketika mengadakan pertemuan baru-baru ini.

Ahmad Zubaidi A Latiff berkata, pemilihan IPB itu juga dilihat selari dengan usaha universiti tersebut dalam meningkatkan bidang pertanian dan perubatan veterinar. “Kerjasama ini akan menumpukan kepada pembiakan tumbuhan, hortikultur, patologi tumbuhan serta perladangan. “Selain itu, bagi membuktikan kesungguhan kita dalam jaringan kerjasama ini, kita juga merancang untuk mengadakan memorandum perjanjian (MoA) bersama IPB yang merangkumi program mobiliti pelajar berkremit dan

tidak berkremit,” katanya. Beliau berkata demikian sebaik selesai menandatangani MoU bersama IBR, di sini. MoU itu ditandatangani beliau sendiri mewakili UniSZA, manakala pihak IPB pula diwakili Rektornya, Dr. Arif Satria. Sementara itu, dalam perkembangan sama, Ahmad Zubaidi turut memaklumkan UniSZA juga bakal bekerjasama dengan IBR dalam program summer camp serta pertukaran pensyarah jemputan dan profesor adjung.